



IKLAN PENGAMBILAN
PERSONEL SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAMME (MySTEP) TAHUN 2026
DI BAHAGIAN PENGURUSAN PERPADUAN
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi segera kekosongan jawatan PERSONEL MySTEP dengan status lantikan kontrak seperti berikut:-

PERSONEL MySTEP SETARA GRED 9

Kadar Upah	: Rm 2,300.00
Kemudahan	: Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP dan Caruman PERKESO
Penempatan	: Ibu Pejabat, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), WP Putrajaya.
Tempoh Lantikan	: Sehingga 31 Disember 2026

SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
3. Mempunyai **Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Sains Sosial dan Tingkah Laku atau yang berkaitan.**
4. Berkebolehan dalam **Bahasa Mandarin (Percakapan, Penulisan dan Membaca).**
5. Mempunyai kemahiran dalam mengendalikan media sosial.

DESKRIPSI TUGAS

Pemantauan dan analisis Media Vernakular Mandarin, Pengurusan Isu dan Intervensi Awal berkaitan isu perpaduan, Penglibatan program jabatan berkaitan isu komuniti dan sebarang arahan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

1. Bagi calon yang berminat hendaklah membuat permohonan melalui laman sesawang myfuturejobs.gov.my dan mengemukakan *resume* terkini; atau
2. Mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:
 - a) Resume beserta gambar terkini berwarna bersaiz pasport; dan
 - b) Salinan kad pengenalan, sijil akademik iaitu SPM, STPM/Diploma, Ijazah Sarjana Muda serta sijil lain yang berkaitan.

Permohonan hendaklah dikemukakan melalui emel ke nurbasyirah@perpaduan.gov.my dengan catatan **Permohonan Personel MySTEP Setara Gred 9 JPNIN.**

3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 MEI 2026 (SELASA).**

Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ke sesi temu duga